

DIFFERENCES IN THE DETERMINATION OF NISAB MEASUREMENT RATES FOR GOLD JEWELRY ZAKAT (*AL-HULI*) IN SELECTED STATES IN MALAYSIA

PERBEZAAN PENENTUAN KADAR UKURAN URUF NISAB ZAKAT EMAS PERHIASAN (*AL-HULI*) DI NEGERI-NEGERI TERPILIH DI MALAYSIA

Mohamad Safwan Abd Wahabiⁱ, Muhammad Hadrami Mohd Aliⁱⁱ, Muhamad Mu'izz Abdullahⁱⁱⁱ & Nik Abdul Rahim Nik Abdul Ghani^{iv}

- ⁱ Pelajar Sarjana. Pusat Kajian Syariah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). P145685@siswa.ukm.edu.my
- ⁱⁱ Pelajar Sarjana. Pusat Kajian Syariah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). P153924@siswa.ukm.edu.my
- ⁱⁱⁱ (*Corresponding author*). Pensyarah Kanan. Pusat Kajian Syariah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), MALAYSIA. muizz@ukm.edu.my
- ^{iv} Profesor Madya. Pusat Kajian Syariah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). muizz@ukm.edu.my

Article Progress

Received: 8 August 2025

Revised: 17 October 2025

Accepted: 15 February 2026

Abstract	<p><i>Zakat on gold, whether in the form of savings or jewelry, is one of the obligatory forms of zakat in Islam. However, inconsistencies in the implementation of gold zakat in Malaysia are evident through the differing methods of nisab calculation across various states. These differences particularly involve the determination of the 'uruf threshold, which is not uniformly applied. Some states consider 'uruf in their nisab calculations, while others do not include this element. This inconsistency has led to a lack of uniformity in the administration of gold zakat, resulting in confusion among zakat payers nationwide and fostering negative perceptions of state zakat institutions regarding their compliance with Shariah obligations. Therefore, this study aims to examine the variations in the determination of the 'uruf measurement method for gold jewelry zakat (al-Ḥulī) practiced in selected states, namely Kedah, Selangor, Melaka, Pahang, and Johor. This research employs a qualitative methodology using content analysis of literature reviews, including state zakat guidelines. The findings indicate that states which incorporate the 'uruf value in determining the nisab impose a lower zakat rate compared to those that exclude it. This study further proposes that the approach to calculating the 'uruf for gold jewelry zakat should be harmonized at the state level to enhance collection efficiency and to avoid confusion and perceptions of unfairness toward state zakat institutions among the local community in the overall implementation of zakat collection. In addition, it emphasizes the need for a more systematic 'uruf-based policy harmonization framework as an instrument of zakat governance to strengthen fairness, improve compliance, and enhance public confidence in zakat institutions in line with the principles of maqasid al-shariah.</i></p> <p>Keywords: Measurement, Gold, Jewelry, Zakat, 'Uruf.</p>
-----------------	--

<p>Abstrak</p>	<p><i>Zakat terhadap emas sama ada simpanan mahupun perhiasan adalah salah satu daripada jenis zakat yang diwajibkan dalam Islam. Namun ketidakseragaman dalam penetapan zakat emas simpanan mahupun perhiasan di Malaysia dapat dilihat melalui perbezaan kaedah pengiraan nisab antara negeri-negeri. Perbezaan ini melibatkan aspek penetapan nilai uruf di setiap negeri yang tidak seragam. Sebahagian negeri mengambil kira uruf dalam pengiraan nisab zakat emas manakala terdapat negeri lain yang tidak memasukkan elemen tersebut. Keadaan ini mencetuskan ketidakselarasan dalam pelaksanaan zakat emas disamping mewujudkan kekeliruan dalam kalangan pembayar zakat di seluruh negara dan tanggapan persepsi negatif terhadap institusi zakat negeri berhubung kewajipan mereka menunaikan zakat mengikut ketetapan syarak. Sehubungan itu, kajian ini bertujuan meneliti perbezaan penentuan kaedah pengukuran uruf nisab zakat emas mempengaruhi pengiraan zakat emas perhiasan (al-huli) di beberapa negeri wakil zon utama di Semenanjung Malaysia iaitu Kedah (Utara), Selangor (Tengah), Melaka (Barat) Pahang (Timur) dan Johor (Selatan). Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dan menggunakan kaedah analisis kandungan dan komparatif terhadap sorotan literatur termasuk garis panduan zakat negeri. Hasil dapatan menunjukkan bahawa negeri yang mengambil kira nilai uruf dalam penentuan nisab zakat mengenakan kadar nilai zakat yang lebih rendah berbanding negeri yang tidak memasukkan elemen uruf dalam pengiraannya. Kajian ini turut mencadangkan agar pendekatan pengiraan uruf zakat emas perhiasan diselaraskan di peringkat negeri-negeri bagi meningkatkan kecekapan kutipan serta mengelakkan kekeliruan dan persepsi tidak adil kepada institusi zakat negeri di kalangan masyarakat tempatan dalam aspek pelaksanaan kutipan zakat yang menyeluruh. Di samping itu, kajian ini juga menegaskan keperluan satu kerangka penyelarasan dasar uruf yang lebih sistematik sebagai instrumen tadbir urus zakat bagi memperkukuh keadilan, meningkatkan pematuhan dan keyakinan masyarakat terhadap institusi zakat selaras dengan prinsip maqasid syariah.</i></p> <p>Kata kunci: Pengukuran, Emas, Perhiasan, Zakat, Uruf.</p>
-----------------------	---

PENDAHULUAN

Islam merupakan suatu sistem kehidupan yang syumul dan merangkumi seluruh aspek kehidupan manusia termasuk dalam aspek sosioekonomi. Ajaran Islam menyediakan kerangka panduan yang komprehensif dalam usaha menstrukturkan sistem kewangan yang adil dan seimbang antaranya menerusi instrumen infaq, zakat dan wakaf. Instrumen-instrumen ini bukan sahaja menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi umat Islam bahkan mampu memperkukuh kedudukan kewangan individu terutamanya golongan asnaf. Zakat berfungsi sebagai alat pengagihan semula kekayaan untuk meningkatkan kesejahteraan masyarakat seperti yang disebutkan oleh Allah SWT:

﴿إِنَّمَا الصَّدَقَاتُ لِلْفُقَرَاءِ وَالْمَسْكِينِ وَالْعَامِلِينَ عَلَيْهَا وَالْمُؤَلَّمَةِ قُلُوبُهُمْ وَفِي الرِّقَابِ وَالْغَارِمِينَ وَفِي سَبِيلِ اللَّهِ وَابْنِ

السَّبِيلِ ۗ فَرِيضَةً مِّنَ اللَّهِ وَاللَّهُ عَلِيمٌ حَكِيمٌ ﴿۹۰﴾

Maksudnya, "Sesungguhnya sedekah-sedekah (zakat) itu hanyalah untuk orang-orang fakir, dan orang-orang miskin, dan amil-amil yang mengurusnya, dan orang-orang muallaf yang dijinakkan hatinya, dan untuk hamba-hamba yang hendak memerdekakan dirinya, dan orang-orang yang berhutang, dan untuk (dibelanjakan pada) jalan Allah, dan orang-orang musafir (yang keputusan) dalam perjalanan. (Ketetapan hukum yang demikian itu ialah)

sebagai satu ketetapan (yang datangnya) dari Allah. Dan (ingatlah) Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana” (al-Quran. Al-Tawbah: 60).

Ayat diatas ini menjelaskan lapan (8) golongan yang layak menerima zakat sebagai alat pengagihan kekayaan dalam masyarakat. Ia juga dapat menyokong pelbagai asnaf dalam memastikan pengurusan dana yang berkesan dan menangani kemiskinan selaras dengan prinsip-prinsip Islam dalam Al-Quran dan Sunnah (Hasan & Bintang, 2024). Dalam konteks zakat harta, zakat emas kini dilihat semakin mendapat perhatian ramai.

Ini merangkumi emas yang dijadikan pelaburan dan juga yang dipakai sebagai perhiasan. Peningkatan kesedaran masyarakat tentang kewajipan zakat emas menunjukkan betapa pentingnya memahami perbezaan antara zakat untuk emas simpanan dan emas perhiasan (*al-huli*). Sabda Rasulullah SAW:

إِذَا كَانَتْ لَكَ مِائَتَا دِرْهَمٍ، وَحَالَ عَلَيْهَا الْحَوْلُ، فَفِيهَا خَمْسَةُ دَرَاهِمٍ، وَلَيْسَ عَلَيْكَ شَيْءٌ يَعْني فِي الدَّهَبِ حَتَّى يَكُونَ لَكَ عِشْرُونَ دِينَارًا فَإِذَا كَانَ لَكَ عِشْرُونَ دِينَارًا، وَحَالَ عَلَيْهَا الْحَوْلُ، فَفِيهَا نِصْفُ دِينَارٍ، فَمَا زَادَ فَبِحِسَابِ ذَلِكَ

Maksudnya: “Apabila kamu memiliki 200 dirham, dan telah cukup setahun zakatnya sebanyak 5 dirham. Kamu tidak wajib berzakat emas sehinggalah memiliki 20 dinar. Apabila kamu memiliki 20 dinar, dan telah cukup setahun, maka zakatnya 1/2 dinar. Jika kamu memilikinya lebih daripada itu, maka ikutilah cara pengiraan tersebut” (Hadis. Abu Daud. Kitab Zakat, Bab Zakat al-Dhahab, Hadis no. 1573).

Berdasarkan hadis Nabi SAW di atas, zakat emas simpanan dikenakan apabila jumlahnya mencapai kadar 20 dinar bersamaan dengan 85 gram emas dan telah cukup haul. Namun begitu, dari sudut zakat emas perhiasan, tiada penetapan kadar nisab yang jelas dalam al-Quran mahupun al-Hadith. Oleh itu, pelaksanaan zakat emas perhiasan di Malaysia banyak bergantung kepada ijtihad dan keputusan institusi fatwa negeri serta amalan pihak berkuasa zakat negeri (Kamaruddin & Dimon, 2023).

Perbezaan pendekatan ini turut melibatkan penggunaan konsep uruf dalam penentuan sama ada perhiasan emas wajib dizakatkan atau tidak. Menurut mazhab Shafi'i, emas yang dijadikan perhiasan tidak dikenakan zakat melainkan apabila jumlahnya melebihi kadar kebiasaan pemakaian masyarakat setempat iaitu yang ditentukan melalui uruf (Rosele et al., 2019). Di Malaysia, nilai uruf ini berbeza mengikut negeri yang ditetapkan oleh institusi zakat negeri dengan kelulusan mufti negeri masing-masing.

Nilai uruf yang ditetapkan ini hanya terpakai dalam sempadan pentadbiran negeri berkenaan dan tidak boleh diguna pakai di negeri lain. Perbezaan kadar uruf ini turut menyumbang kepada ketidakseragaman dalam pengiraan zakat emas perhiasan di antara negeri-negeri di Malaysia (Rosele et al., 2019). Sehubungan itu, kajian ini dijalankan bagi menilai bagaimana perbezaan dalam penetapan kadar uruf mempengaruhi pengiraan zakat emas perhiasan di beberapa negeri wakil zon utama di Semenanjung Malaysia iaitu Kedah (Utara), Selangor (Tengah), Melaka (Barat) Pahang (Timur) dan Johor (Selatan).

Pemilihan negeri berdasarkan zon ini dibuat bagi mengkaji sama ada terdapat corak kebersamaan dalam penentuan kadar uruf mengikut zon tertentu. Selain itu, kajian ini juga berhasrat mencadangkan satu pendekatan penyelarasan nasional bagi mewujudkan sistem zakat emas perhiasan yang lebih sistematik, adil dan diyakini oleh umat Islam secara keseluruhannya.

TINJAUAN LITERATUR

Zakat emas ialah salah satu komponen utama dalam hukum zakat yang menuntut perhatian khusus terhadap uruf setempat. Di Malaysia, setiap negeri mempunyai ketetapan uruf yang berbeza menjadikan pelaksanaan zakat tidak seragam (Aziz et al., 2025). Ini disebabkan

kadar penentuan uruf dibuat oleh Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) berdasarkan pandangan syariah dan keperluan masyarakat setempat.

Namun ketidaksamaan dalam kadar nilai uruf ini turut mempengaruhi kadar zakat serta golongan yang wajib mengeluarkannya. Dari sudut sejarah, uruf telah lama diiktiraf sebagai sumber hukum dalam fiqh muamalat, khususnya dalam masyarakat Islam yang berbilang latar belakang. Ia merujuk kepada adat yang tidak bercanggah dengan syarak dan diterima oleh para ulama sebagai asas dalam menetapkan hukum.

Di Malaysia, uruf memainkan peranan dalam menentukan had pemakaian emas oleh wanita yang membezakan antara perhiasan dan simpanan. Nilai uruf menjadi penentu kewajipan zakat ke atas emas (Ibrahim et al., 2021). Dalam hal zakat emas, uruf berperanan sebagai alat untuk mengimbangi antara hak individu dan kesejahteraan masyarakat. Maka, isu uruf bukan hanya menyentuh aspek hukum tetapi turut melibatkan urus tadbir dan dasar zakat. Ketiadaan piawaian kebangsaan menjadikan uruf satu aspek yang sentiasa berubah dalam sistem pengurusan zakat (Ibrahim et al., 2021).

Dari segi pelaksanaan oleh institusi zakat, perbezaan nilai uruf memberi kesan terus kepada jumlah zakat yang dikutip dan diagihkan kepada golongan asnaf (Saro & Nordin, 2017). Jika kadar uruf terlalu tinggi maka implikasinya akan menyebabkan ramai pemilik emas mungkin tidak tertakluk kepada kewajipan zakat malah mengurangkan hasil kutipan sepatutnya.

Namun, jika terlalu rendah, ia boleh memberi tekanan kewangan kepada wanita berpendapatan sederhana. Oleh itu, perlunya keseimbangan antara ketegasan hukum dan pertimbangan ihsan dalam pengurusan zakat. Penetapan uruf yang tepat membantu pelaksanaan zakat emas agar lebih teratur dan mudah diterima masyarakat. Perbandingan antara negeri memperlihatkan bahawa ketiadaan garis panduan peringkat kebangsaan menjadikan penetapan uruf sangat bergantung pada konteks tempatan (Nordin et al., 2018).

Terdapat beberapa negeri dilihat masih belum menyemak semula dasar uruf boleh menimbulkan persoalan sama ada ia masih sesuai dengan realiti kos sara hidup dan harga emas semasa. Oleh itu, semakan semula dasar perlu melihat keperluan berbeza masyarakat bandar dan luar bandar. Analisis matrik menunjukkan negeri seperti Selangor dan Kedah yang memiliki dasar uruf jelas menunjukkan tahap kepatuhan zakat yang lebih tinggi (Saro & Nordin, 2017).

Justeru, usaha ke arah penyelarasan ini perlu melibatkan kerjasama antara MAIN, institusi akademik dan badan penyelidikan. Langkah ini bukan sahaja mengukuhkan kepercayaan awam terhadap institusi zakat malah turut meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai tanggungjawab zakat.

Secara ringkas, kajian ini menekankan perlunya penilaian semula terhadap perbezaan kadar uruf zakat emas antara negeri-negeri di Malaysia. Walaupun uruf memainkan peranan penting dalam fiqh zakat, semakan semula diperlukan agar ia seiring dengan realiti semasa bagi mengelakkan persepsi tidak adil kepada institusi zakat dalam aspek pelaksanaan zakat.

Tujuan penyelarasan bukanlah untuk menolak adat setempat tetapi lebih kepada menstrukturkan dasar agar lebih adil dan inklusif. Oleh itu kajian ini memfokuskan kepada analisis perbezaan dalam amalan penentuan kadar ukuran uruf pemakaian emas perhiasan bagi tujuan pelaksanaan serta kutipan zakat yang lebih menyeluruh dan menilai secara perbandingan bagaimana kadar uruf emas perhiasan ditentukan bagi memastikan keberkesanan pengagihan zakat kepada asnaf yang berhak.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini mengaplikasikan pendekatan kualitatif dengan reka bentuk deskriptif bagi menyelidik kepelbagaian corak dalam penetapan ukuran kadar uruf bagi nisab zakat emas perhiasan di beberapa negeri terpilih di Malaysia. Pemilihan reka bentuk ini membolehkan analisis dilakukan terhadap dokumen dasar, garis panduan dan amalan institusi zakat negeri terutamanya berkaitan pengiraan zakat berasaskan konsep uruf setempat.

Data diperoleh melalui kajian literatur yang meliputi dokumen rasmi daripada MAIN, panduan institusi zakat, fatwa-fatwa negeri serta rujukan akademik seperti jurnal dan buku ilmiah. Seterusnya, data yang diperoleh dianalisis menggunakan pendekatan analisis kandungan secara sistematik untuk mengenalpasti pendekatan institusi dan rasional penetapan kadar uruf digunapakai oleh setiap negeri terpilih.

Selanjutnya, Lima (5) buah negeri dipilih mewakili zon geografi berbeza iaitu Kedah, Selangor, Pahang, Melaka dan Johor bagi membolehkan analisis komparatif dilakukan terhadap pendekatan yang berbeza dalam pelaksanaan zakat emas perhiasan. Kaedah ini juga membolehkan penilaian dibuat terhadap sejauh mana dasar yang diamalkan selari dengan prinsip syariah serta realiti sosioekonomi masyarakat setempat. Oleh itu, pendekatan ini amat sesuai bagi menghasilkan dapatan yang bersifat induktif dan kontekstual hasil daripada penilaian menyeluruh terhadap dokumen berkaitan.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Pandangan Ulama Terhadap Zakat Emas Perhiasan

Emas perhiasan dari segi bahasa arab, perhiasan merupakan “al-haly”, manakala kata jamaknya pula ialah “al-huliy” yang mana membawa maksud kepada sesuatu yang dibuat perhiasan daripada tempaan bahan galian dan juga batu permata. Firman Allah S.W.T:

﴿أُولَئِكَ لَهُمْ جَنَّاتُ عَدْنٍ تَجْرِي مِنْ تَحْتِهِمُ الْأَنْهَارُ يُحَلَّوْنَ فِيهَا مِنْ أَسَاوِرَ مِنْ ذَهَبٍ وَيَلْبَسُونَ ثِيَابًا خُضْرًا مِنْ سُنْدُسٍ وَإِسْتَبْرَقٍ مُتَّكِنِينَ فِيهَا عَلَى الْأَرَائِكِ ۗ نِعْمَ الثَّوَابُ وَحَسُنَتْ مُرْتَفَقًا﴾

Maksudnya, “Mereka itu, disediakan baginya syurga yang kekal, yang mengalir di bawahnya beberapa sungai; mereka dihiaskan di dalamnya dengan gelang-gelang tangan emas, dan memakai pakaian hijau dari sutera yang nipis dan sutera tebal yang bersulam; mereka berehat di dalamnya dengan berbaring di atas pelamin-pelamin (yang berhias). Demikian itulah balasan yang sebaik-baiknya dan demikian itulah Syurga tempat berehat yang semolek-moleknya” (al-Quran. al-Kahfi:31).

Para ulama telah bersepakat bahawa perhiasan yang dibuat dari logam yang lain dari emas dan perak walaupun harganya lebih mahal dari emas dan perak (seperti nikel, platinum, tembaga dan sebagainya, begitu juga perhiasan dari batu-batu berharga seperti permata, zamrud dan sebagainya) tidak wajib dikeluarkan zakat sama ada yang dipakai oleh lelaki atau wanita (Rosmita et al., 2024). Sebaliknya, terdapat dua (2) pandangan terhadap emas perhiasan yang dipakai oleh wanita:

- i. Menurut Imam Abu Hanifah; zakat diwajibkan ke atas semua jenis emas dan perak sekalipun yang dijadikan perhiasan yang harus dipakai oleh wanita (gelang, rantai, anting-anting dan sebagainya) (Rosmita et al., 2024).
- ii. Menurut jumhur ulama (Imam Malik, Syafiie dan Ahmad); zakat tidak diwajibkan ke atas emas dan perak yang dijadikan perhiasan oleh wanita (Pratama & Luthfi, 2024).

Walau bagaimanapun pandangan yang rajih (kuat) ialah pandangan jumhur fuqaha yang ditarjih oleh Syeikh Dr. Yusuf al-Qaradawi dalam bukunya yang berjudul Fiqh Zakat (Fathurrahman & Hendraningsih, 2024). Oleh itu, emas dan perak yang digunakan oleh wanita sebagai perhiasan tidak diwajibkan zakat kecuali jika berlaku dalam dua situasi tertentu;

- i. Perhiasan emas dan perak yang dibuat bukan untuk dipakai tetapi untuk disimpan (sebagai aset simpanan) wajib dikeluarkan zakat ke atasnya kerana tujuannya telah beralih dari perhiasan kepada simpanan.
- ii. Jika perhiasan yang dimiliki itu terlalu banyak sehingga masuk dalam kategori berlebihan serta melampaui kadar yang biasa dipakai oleh wanita-wanita setempat (kadar uruf setempat) maka wajiblah dikeluarkan zakat.

Para fuqaha berbeza pandangan tentang hukum zakat ke atas emas yang digunakan sebagai barang perhiasan wanita. Pandangan para fuqaha ini dapat dirumuskan sebagai mana dalam Jadual 1 di bawah:

Jadual 1: Pandangan Fuqaha Mengenai Mengenai Kewajipan Zakat Emas

Golongan Fuqaha	Pandangan	Dalil-dalil
Majoriti <i>fuqaha</i> seperti Ibn Umar, Jabir, Anas, Aisyah, dan Asma' (dikalangan para sahabat), al-Syu'abi, Qatadah, Muhammad ibn 'Ali dan 'Amrah. Kemudian, ianya menjadi pegangan Imam Malik, al-Syafie, Abu Ubaid, Ishaq dan Abu Thaur. (Pandangan <i>Rajih</i>)	Zakat tidak dikenakan ke atas emas yang digunakan sebagai barang perhiasan wanita. Jika emas dijadikan barang perhiasan untuk kegunaan peribadi, ia tidak lagi bersifat subur. Sedangkan, zakat pada asasnya diambil daripada harta-harta yang subur atau dicadang untuk disuburkan. Berdasarkan asas ini juga, unta dan lembu yang digunakan untuk bekerja seperti membajak tidak dikenakan zakat kerana ia tidak lagi digunakan untuk kesuburan sebaliknya untuk tujuan peribadi pemilikinya (Al-Qaradawi, 2006).	Tiada dalil syarak yang sah sama ada dalam bentuk nas atau <i>qiyas</i> yang menunjukkan bahawa zakat dikenakan atas barang perhiasan (Al-Qaradawi, 2006)
Mazhab kedua adalah Mazhab Hanafi. Pandangan ini diriwayatkan daripada Umar ibn Mas'ud, Ibn Abbas, Abdullah ibn Amru ibn al-As, Sa'id ibn al-Musayyib, Sa'id ibn Jubair, Ata', Mujahid, Abdullah ibn Syaddad, Jabir ibn Zaid, Ibn Sirin, Maimun ibn Mahran al-Zuhri dan al-Thauri	Zakat diwajibkan ke atas semua jenis emas dan perak sekalipun yang dijadikan perhiasan yang harus dipakai oleh wanita. Al-Kasani (2003) berpendapat bahawa ayat yang mewajibkan zakat emas ini tidak membezakan antara barang kemas wanita dengan barang jenis emas dan perak yang lain. Oleh itu beliau berpendapat bahawa sesiapa sahaja yang memiliki emas dan perak dalam apa jua bentuk sekalipun, jika tidak mengeluarkan zakat maka akan dikenakan zakat oleh Allah SWT.	Maksud umum ayat yang mewajibkan zakat emas, firman Allah SWT: <i>"Dan (ingatlah) orang-orang yang menyimpan emas dan perak serta tidak membelanjakannya pada jalan Allah, maka khabarkanlah kepada mereka dengan (balasan) azab seksa yang tidak terperi sakitnya..."</i> (At-Taubah, 34-35)

Sumber: al-Qaradawi (2006)

EMAS SIMPANAN DAN EMAS PERHIASAN

Emas simpanan bermaksud emas yang disimpan oleh individu dan emas tersebut telah memenuhi syarat dikenakan zakat iaitu telah cukup nisab iaitu 85 gram (20 mithqal atau 20 dinar) dan cukup haul iaitu genap dan selama tempoh setahun *qamariyyah*. Antara contoh emas simpan adalah seperti ketulan emas, jongkong, emas rosak yang disimpan, emas yang dijadikan peralatan rumah dan emas perhiasan wanita yang tidak pernah dipakai dalam tempoh setahun dalam milikan (Rosele et al., 2019).

Emas perhiasan bermaksud emas yang dijadikan barang perhiasan oleh kaum wanita seperti cincin, rantai dan sebagainya. Dalam penghasilan emas perhiasan, emas tulen perlu dicampurkan dengan logam lain bagi menguatkan jisim emas tersebut kerana sifat emas yang lembut untuk ditempa mengikut bentuk perhiasan yang diinginkan.

Terdapat banyak jenis mutu emas yang kebiasaannya terdapat di pasaran Malaysia seperti 999, 916, 950, 875, 835 dan 750.

Jenis-jenis mutu emas tersebut melambangkan jumlah peratusan emas tulen yang terdapat dalam emas fizikal tersebut. Jika hendak dibandingkan dengan ketulan emas yang berbentuk bar atau syiling yang berjenis 999 terdapat emas perhiasan yang berjenis 950, 916, 875, 835 dan 750. Kesemuanya mempunyai nilai semasa yang berbeza (Rosele et al., 2019).

Pemakaian Uruf Zakat Emas Perhiasan di Negeri-Negeri Malaysia

Berikut adalah kadar uruf zakat emas perhiasan dan kaedah kiraan yang diguna pakai di negeri-negeri berdasarkan maklumat yang diperolehi dari laman rasmi institusi zakat di Malaysia

Jadual 2: Kadar Pemakaian Uruf di Negeri-negeri Malaysia

Negeri	Uruf Emas Perhiasan	Kaedah Kiraan
Perlis	85 Gram	Keseluruhan (Ikut Tahap Ketulenan Emas)
Kedah	200 Gram	Lebihan Uruf
Pulau Pinang	250 Gram	Keseluruhan
Perak	600 Gram	Keseluruhan
Selangor	800 Gram	Lebihan Uruf
Wilayah Persekutuan	800 Gram	Keseluruhan (Ikut Tahap Ketulenan Emas)
Negeri Sembilan	200 Gram	Lebihan Uruf
Melaka	180 Gram	Keseluruhan
Johor	850 Gram	Lebihan Uruf
Pahang	500 Gram	Keseluruhan
Pahang	500 Gram	Keseluruhan
Terengganu	850 Gram	Lebihan Uruf
Kelantan	Tiada (jika pakai dalam masa setahun)	Tiada (jika pakai dalam masa setahun)
Sabah	152 Gram	Lebihan Uruf
Sarawak	90 Gram	Lebihan Uruf

Sumber: Laman Web Rasmi Institusi Zakat Negeri

Pengiraan Zakat Emas Perhiasan

Kaedah pengiraan kadar bayaran zakat emas perhiasan di negeri-negeri di Malaysia adalah tidak ditetapkan dengan satu kaedah yang perlu disepakati. Berpandukan garis panduan pembayaran zakat yang dikeluarkan oleh Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) pada tahun 2024, kaedah pengiraan yang dimasukkan di dalamnya ada dua (2) iaitu kaedah pengiraan zakat emas perhiasan dikira kesemua sekali nilai emas dan kaedah pengiraan zakat emas perhiasan yang melebihi kadar uruf sahaja (JAWHAR, 2024). Secara keseluruhannya terdapat dua (2) kaedah pengiraan yang digunakan seperti ditunjukkan dalam Rajah 1 ini:

Kaedah Pengiraan	Cara Pengiraan
Pertama	$(\text{Berat emas} - \text{Uruf}) \times \text{harga emas semasa} \times 2.5\% = \text{Jumlah Zakat}$
Kedua	$\text{Berat emas} \times \text{harga emas semasa} \times 2.5\% = \text{Jumlah Zakat}$

Kaedah Pertama: $(\text{Berat emas} - \text{Uruf}) \times \text{harga emas semasa} \times 2.5\% = \text{Jumlah Zakat}$.

Kaedah ini menunjukkan cara pengiraan kadar zakat emas perhiasan yang dikenakan ke atas lebihan uruf sahaja.

Contoh Kalkulator Pengiraan

Berat Ketulenan Emas	Kadar Uruf	Harga Emas Semasa	Kadar Emas	Harga Mengikut Berat
250 Gram	200 Gram	RM 408.12	2.5 %	RM 20,406.00
TOTAL (Jumlah Zakat)	$50g \times RM408.12 \times 2.5\% = \mathbf{RM 510.15}$			

Sumber: Laman Rasmi Kalkulator Negeri Kedah

Kaedah Kedua: Berat emas x harga emas semasa x 2.5% = Jumlah Zakat.

Kaedah ini menunjukkan cara pengiraan kadar zakat emas perhiasan yang dikenakan ke atas nilai keseluruhan kuantiti emas perhiasan yang melebihi kadar uruf.

Contoh Kalkulator Pengiraan

Berat Ketulenan Emas	Kadar Uruf	Harga Emas Semasa	Kadar Emas	Harga Mengikut Berat
250 Gram	180 Gram	RM 479.65	2.5 %	RM 119,912.5
TOTAL (Jumlah Zakat)	$250g \times RM479.65 \times 2.5\% = \mathbf{RM 2,997.8125}$			

Laman Rasmi Kalkulator Negeri Melaka

Di negeri yang menetapkan kadar uruf, pengiraan zakat dibuat dengan menolak nilai uruf daripada jumlah berat emas, kemudian didarab harga semasa dan 2.5%. Sebaliknya, negeri yang tidak mengira uruf akan mengira zakat terus berdasarkan berat emas semasa didarab 2.5%. Secara ringkas, apabila uruf ditolak, amaun zakat yang perlu dibayar menjadi lebih rendah.

Perbezaan ini bergantung pada sama ada uruf diambil kira atau tidak. Ada negeri seperti Selangor, Wilayah Persekutuan, Johor dan Terengganu menetapkan uruf yang tinggi, berbeza dengan Perlis, Kedah, Negeri Sembilan dan Melaka yang menetapkan nilai lebih rendah.

Negeri Kedah

Kedudukan negeri ini yang terletak di bahagian utara telah menjadi antara negeri yang dikaji. Urusan zakat di negeri ini diletakkan dibawah seliaan Lembaga Zakat Negeri Kedah. Kadar uruf yang ditetapkan adalah sebanyak 200 gram dan menjadi kadar uruf diantara negeri terendah di Malaysia. Negeri ini merupakan negeri yang menggunakan kaedah pengiraan dengan menolak kadar uruf di dalam pengiraan zakat emas perhiasan.

Negeri Selangor

Kedudukan negeri Selangor yang berada di zon tengah telah terpilih daripada negeri-negeri yang lain. Kadar uruf yang ditetapkan adalah sebanyak 800 gram dan menjadi kadar uruf diantara tertinggi di Malaysia .Melalui kajian lapangan yang dilakukan menerusi edaran borang kaji selidik oleh Lembaga Zakat Selangor dengan kutipan jumlah persampelan yang besar bagi mewakili keseluruhan penduduk negeri Selangor terhasilnya kaedah penetapan kadar uruf bagi negeri ini (Rosele et al., 2019).

Data yang dikutip dan kemudiannya di analisis ini perlu untuk menjelaskan bagaimana kaedah penetapan kadar uruf bagi pemakaian emas perhiasan. Selangor adalah negeri yang menggunakan kaedah pengiraan ditolak dengan kadar uruf di dalam pengiraan kadar zakat emas perhiasan.

Negeri Pahang

Kedudukan negeri Pahang yang terletak di kawasan tengah Malaysia dipilih bagi mewakili zon timur. Kadar uruf yang ditetapkan adalah sebanyak 500 gram dan menjadi kadar uruf pertengahan diantara negeri lain di Malaysia. Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang bertindak mengawal selia segala hal berkaitan Hal Ehwal Islam di negeri ini. Pusat Pungutan Zakat Pahang dibawahnya pula bertindak bagi menguruskan kutipan serta agihan zakat kepada asnaf yang layak.

Sepertimana negeri lain, Pusat Kutipan Zakat Pahang telah membuat penyelidikan berkenaan kadar uruf zakat emas perhiasan melalui kajian lapangan. Kaedah pengiraan tanpa menolak kadar uruf di dalam pengiraan zakat emas perhiasan telah menjadi amalan di dalam negeri ini.

Negeri Melaka

Kedudukan negeri ini yang terletak di bahagian zon barat dipilih diantara negeri yang lain. Kadar uruf yang ditetapkan adalah sebanyak 180 gram dan menjadi diantara negeri yang mempunyai nilai kadar uruf terendah di Malaysia. Pusat Zakat Melaka bertindak dalam mengawalselia urusan berkaitan zakat di dalam negeri ini. Hanya berdasarkan penilaian kepada rumusan data pungutan zakat emas perhiasan yang dibuat pada tahun 2007-2009 sahaja dalam menentukan kadar uruf emas setempat (Nordin et al., 2018). Melaka adalah negeri yang mengamalkan kaedah pengiraan tanpa menolak kadar uruf di dalam pengiraan kadar zakat emas perhiasan di negerinya.

Negeri Johor

Kedudukan negeri ini yang terletak di bahagian zon selatan dipilih diantara negeri yang lain. Kadar uruf yang ditetapkan adalah sebanyak 850 gram dan menjadi diantara negeri yang mempunyai nilai kadar uruf tertinggi di Malaysia. Majlis Agama Islam Negeri Johor (MAINJ) bertindak dalam mengawalselia urusan berkaitan zakat di dalam negeri ini. Johor adalah negeri yang mengamalkan kaedah pengiraan ditolak dengan kadar uruf di dalam pengiraan kadar zakat emas perhiasan di negerinya.

Oleh itu, melalui perbandingan terhadap lima (5) negeri yang dikaji mendapati bahawa corak penentuan ukuran kadar uruf bagi negeri-negeri terpilih mengikut zon utara, tengah, barat, timur dan selatan mempengaruhi kadar pengamalan pengiraan yang berbeza-beza bagi setiap negeri.

Negeri Kedah dan Melaka meskipun ianya mencatatkan penetapan kadar ukuran uruf yang terendah di Malaysia namun masing-masing mengamalkan kaedah pengiraan yang berbeza seperti negeri Kedah mengambil kira pengiraan kaedah dengan menolak penetapan nilai uruf sebaliknya berbeza dengan negeri Melaka yang menggunakan kaedah tanpa menolak pengiraan uruf. Manakala negeri Pahang pula diantara negeri yang nilai kadar ukuran uruf diperingkat pertengahan berbanding negeri lain tetapi mengamalkan kaedah tanpa menolak nilai uruf setempat.

Ini menjadikan kutipan zakat emas perhiasan hanya tersasar kepada golongan yang pertengahan ataupun kaya sahaja yang dikenakan zakat sebaliknya bagi yang tidak mencapai nilai uruf 500gram atau golongan yang berpendapatan rendah lagi kurang berkemampuan tidak perlu menunaikan zakat perhiasan.

Negeri di zon tengah (Selangor) dan negeri terletak di zon selatan (Johor) masing-masing mencatatkan kadar penetapan kadar uruf zakat emas perhiasan yang tinggi iaitu diantara 800-850 gram walaupun kaedah pengiraan kadar emas digunakan adalah sama iaitu setelah menolak kadar uruf emas semasa. Secara keseluruhannya dapatlah disimpulkan bahawa kadar penetapan ukuran uruf mempengaruhi kadar kaedah pengiraan emas perhiasan yang diamalkan di setiap negeri di Malaysia.

Cadangan Dan Inisiatif Penyelarasan Kadar Uruf Zakat Emas

Bagi menjamin pelaksanaan zakat ke atas emas perhiasan yang lebih adil serta selaras di seluruh Malaysia, disarankan agar satu piawaian kadar uruf ditetapkan di peringkat

kebangsaan. Piawaian ini wajar dirangka oleh badan berautoriti seperti Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dengan kerjasama MAIN. Dalam membentuk piawaian tersebut, pelbagai faktor perlu dipertimbangkan termasuklah harga emas semasa, kos sara hidup, kebiasaan pemakaian emas oleh wanita setempat serta pendapatan isi rumah.

Dengan adanya satu penanda aras pusat yang seragam, kadar uruf boleh dijadikan asas minimum yang membolehkan penyesuaian di peringkat negeri mengikut konteks setempat masing-masing. Pendekatan ini mampu mengurangkan ketidaksamaan dasar antara negeri serta mencegah amalan memilih kadar uruf dari negeri lain sebagai alasan untuk tidak menunaikan zakat.

Langkah ini juga dapat meningkatkan kepercayaan masyarakat terhadap integriti dan keadilan institusi zakat. Pelaksanaannya perlu disertakan dengan kempen penerangan yang komprehensif agar masyarakat memahami rasional di sebalik penetapan kadar uruf tersebut. Usaha penyelarasan ini diharapkan dapat memperkukuh tahap kepatuhan umat Islam terhadap kewajipan zakat terutamanya bagi kategori emas perhiasan.

Selain itu, kajian turut mencadangkan agar institusi zakat negeri menjalankan penyelidikan lapangan dan tinjauan berkala berkaitan pemakaian emas dalam kalangan wanita Muslimah dengan sokongan institusi pengajian tinggi. Data utama yang penting seperti jumlah purata gram emas yang dipakai, tahap kesedaran zakat serta beban ekonomi isi rumah perlu dikumpulkan sebagai asas dalam proses penilaian semula kadar uruf yang lebih sistematik dan berdasarkan fakta.

Pendekatan berteraskan data ini dapat memastikan kadar uruf yang ditetapkan benar-benar mencerminkan keadaan sosial semasa dan tidak bersifat sewenang-wenangnya. Di samping itu, mekanisme perbandingan silang antara negeri terutamanya bagi kawasan yang menunjukkan pola pemakaian emas yang hampir serupa perlu diwujudkan untuk menilai keberkesanan dasar serta impaknya terhadap jumlah kutipan zakat.

Penetapan kadar uruf juga harus disertai dengan fatwa yang jelas serta justifikasi awam bagi menjamin ketelusan dalam pelaksanaan dasar. Justeru, penambahbaikan kadar uruf perlu dilaksanakan secara menyeluruh dengan berpandukan prinsip maqasid syariah agar zakat dapat berfungsi sebagai instrumen pengagihan kekayaan yang adil dan berkesan.

KESIMPULAN

Kajian ini mendapati bahawa terdapat perbezaan ketara dalam penetapan kadar ukuran uruf bagi zakat emas perhiasan di antara negeri-negeri di Malaysia. Kajian yang dijalankan di beberapa negeri terpilih seperti di negeri Kedah, Selangor, Melaka, Pahang dan Johor menggambarkan terdapat corak perbezaan dalam penentuan kadar uruf nisab zakat yang secara langsung mempengaruhi perbezaan cara pengiraan dan jumlah kutipan zakat yang diamalkan di setiap negeri.

Penetapan kadar uruf bagi penentuan nisab pembayaran zakat di setiap negeri pula bukan sekadar mengambil kira aspek masalah kepada umum akan tetapi melihat kepada kesesuaiannya dengan amalan budaya sesuatu masyarakat. Kajian ini dilihat penting bagi memperkukuhkan kefahaman masyarakat Islam di Malaysia terhadap pelaksanaan zakat emas perhiasan khususnya berkaitan perbezaan amalan penentuan kadar ukuran uruf yang berbeza diantara negeri-negeri di Malaysia.

Kajian ini turut menekankan keperluan kerjasama antara institusi zakat negeri, Jabatan Mufti Negeri dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) untuk merangka satu garis panduan pengiraan zakat emas perhiasan yang seragam, jelas dan berautoriti. Penetapan julat kadar uruf yang munasabah pada peringkat nasional dijangka memudahkan urusan pentadbiran sekaligus meningkatkan kefahaman serta kepatuhan pembayar zakat dan dapat menanggapi persepsi negatif masyarakat terhadap institusi-institusi agama di Malaysia tanpa menafikan prinsip syariah dan keunikan setempat.

Selain itu, kajian ini dijalankan menerusi pendekatan perbandingan terhadap corak lima (5) buah zon utama negeri terpilih sahaja dan tidak merangkumi data lapangan daripada pembayar zakat serta institusi berkaitan secara menyeluruh. Kajian lanjutan

disarankan yang melibatkan pendekatan lapangan di kesemua negeri di seluruh Malaysia dengan menjalankan temubual bersama pembuat dasar, kaji selidik terhadap masyarakat umum dan penilaian terhadap kesan sosioekonomi daripada ketidakseragaman kadar uruf di negeri ini.

Oleh itu, diharapkan agar kajian ini menjadi asas kepada pelaksanaan dasar zakat emas perhiasan yang lebih sistematik, seragam, efisien dan diterima oleh masyarakat. Dalam masa yang sama, penyelidikan lanjutan yang melibatkan pelbagai disiplin dan pihak berkepentingan perlu digerakkan bagi memastikan setiap aspek pelaksanaan zakat dapat diteliti dari sudut hukum, sosial dan pentadbiran secara menyeluruh.

RUJUKAN

- Arifin, N. M. (2014). Perbedaan Pemakaian Urf Zakat Emas Perhiasan (Kajian di Selangor dan Malaka). In *Al-Risalah: Forum Kajian Hukum Dan Sosial Kemasyarakatan* (Vol. 14(1), 132-160.
- Al-Kasani, A. B. M. (2003). ud. *Badai'al-Sanai'fi Tartib Syarai'*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyah.
- Al-Qaradawi, Y. (2006). *Fiqh al-zakah: dirasah muqaranah li-ahkamiha wa-falsafatiha fi daw al-Qur'an wa-al-sunnah*. Maktabah Wahbah.
- Al-Sharanbasiyy, Ramadan 'Aliyy al-Sayyid. (2002). *Ahkam al-Mirath Bayna al-Shari'ah Wa al-Qanun* (Edisi). Mansha'at al-Ma'arif, al-Iskandariyyah.
- Aziz, S. N. A., Abd Rahim, S., Razaly, M. Z., Redzuan, M. A., Aziz, A., & Rashid, K. A. A. (2025). Narrative Study Of Zakat Gold Jewelry (Al-Huli): Gold Mixing Issue: Kajian Naratif Zakat Emas Perhiasan (Al-Huli): Isu Percampuran Emas. *Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies*, 34(1), 215–227.
- Fathurrahman, M. R., & Hendraningsih, J. A. (2024). Fatwa Zakat Profesi dalam Timbangan al-Qur'an: Studi Penafsiran Yusuf Al-Qaradawi. *Izzatuna: Jurnal Ilmu Al-Qur'an Dan Tafsir*, 5(1), 1–13.
- Hasan, N., & Bintang, M. (2024). Zakat Sebagai Upaya Peningkatan Kesejahteraan Dalam Perspektif Surah At-Taubah Ayat 60. *Al-Bunyan: Interdisciplinary Journal of Qur'an and Hadith Studies*, 2(1), 69–76.
- Ibrahim, M. A., Ismail, M. K., Aziz, A., Ismail, M. S. I., & Ismail, S. (2021). Kefahaman dan Kesedaran Tuntutan keatas Zakat Emas di Kalangan Wanita: Analisis dalam Komuniti Wanita di Dungun, Terengganu. *International Jurnal of Muamalat*, 5(1), 183-193.
- Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR). 2024. *Garis Panduan Kadar Uruf Pemakaian Emas Dalam Kalangan Wanita Islam*.
- Kamaruddin, N., & Dimon, Z. (2023). Bayaran Zakat Kepada Bukan Amil: Satu Kajian Dari Aspek Maqosid Syariah Dan Perundangan: (Payment Of Zakat To Non-Amils: A Study From The Maqosid Aspects Of Shariah And Legislation). *International Journal of Mosque, Zakat And Waqaf Management (Al-Mimbar)*, 3(1), 20–37.
- Lembaga Zakat Selangor. (2024). Info terkini nisab emas dan perak. [https://www.zakatselangor.com.my/info-terkini-nisab-emas-dan-perak/\(05/06/2025\)](https://www.zakatselangor.com.my/info-terkini-nisab-emas-dan-perak/(05/06/2025))
- Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu. (2025). Zakat emas. [https://www.maidam.gov.my/index.php/zakat-emas\(25/7/2025\)](https://www.maidam.gov.my/index.php/zakat-emas(25/7/2025))
- Mat Rawi, A. (2025). 'Urf zakat emas perhiasan negeri-negeri di Malaysia. [https://afyan.com/uruf-zakat-emas-perhiasan-negeri-negeri-di-malaysia.html/\(05/06/2025\)](https://afyan.com/uruf-zakat-emas-perhiasan-negeri-negeri-di-malaysia.html/(05/06/2025))
- Nordin, T. R., Saro, N., & Yusof, R. M. (2018). Urf zakat gold jewellery: practices in Malaysia. *Science International (Lahore)*, 30(1), 27–31.
- Pratama, S., & Luthfi, A. (2024). Zakat Gaji Penghasilan Emas, Perak, Maskawin, Dan Hewan Ternak. *Al-Mizan: Jurnal Ekonomi Syariah*, 7(I), 23–31.
- Pusat Pungutan Zakat-MAIWP. (2025). Arkib nisab tahunan. [https://www.zakat.com.my/info-zakat/arkib-nisab-tahunan/\(18/06/2025\)](https://www.zakat.com.my/info-zakat/arkib-nisab-tahunan/(18/06/2025))

- Rosele, M. N., Noor, M. A. M., & Wahid, H. (2019). Cadangan Penyetaraan Ukuran Nisab Zakat Emas Perhiasan di Malaysia: Proposed Standardization in Calculation of Zakat Nisab on Gold Jewellery in Malaysia. *Journal of Fatwa Management and Research*, 17(2), 309–332.
- Rosmita, R., Bakry, K., Nur, S. R. W., Maryam, M., & Yusuf, Y. (2024). Hukum Zakat Perhiasan Emas Dalam Perspektif Islam (Studi Komparasi Antara Mazhab Hanafi Dan Mazhab Syafi'i). *Ar-Risalah Media Keislaman Pendidikan Dan Hukum Islam*, 22(1), 131–147.
- Saro, N., & Nordin, T. (2017). Pengambilan hukum uruf dalam zakat emas perhiasan negeri-negeri di utara Malaysia. *Proceeding 2nd International Islamic Heritage Coference 2017*, 643-649.

Penafian

Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.